

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan kami yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

Jabatan : Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan (Kampus Shah Alam)

Kumpulan : Pengurusan Profesional (Juruukur Bahan Gred J41)

Status Lantikan : Pelantikan Kontrak

JADUAL GAJI GRED J41 MINIMUM – MAKSIMUM

GREDD GAJI	PERINGKAT	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
J41	P1	RM2,359.72	RM5,559.76
	P2	RM2,468.21	RM5,892.94
	P3	RM2,581.43	RM6,221.67

RINGKASAN JAWATAN

Jawatan ini adalah diwujudkan bagi menjalankan kerja-kerja penilaian ukur bahan ke atas pelan-pelan untuk tawaran tender kontrak dan lain-lain tugas berkaitan serta terbabit secara langsung dalam pengurusan kewangan dan kontrak binaan bermula dari awal sehingga peringkat penyelesaian akaun muktamad.

SYARAT KELAYAKAN JURUUKUR BAHAN (GRED J41)

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh lantikan jawatan;
3. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ukur Bahan atau Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) atau Board of Quantity Surveyor Malaysia merupakan satu kelebihan;
5. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
6. Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang ukur bahan terutama berkaitan dengan pengurusan dokumen kontrak, tuntutan serta kerja-kerja berkaitan penyediaan dokumen tender / sebutharga;
7. Berkebolehan menguruskan kontrak perjanjian;
8. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik; dan
9. Kemahiran komputer dalam Microsoft Office.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

1. Menyediakan dokumen tender dan sebutharga.
 2. Menyediakan analisis tender bagi projek terbabit.
 3. Bertanggungjawab dalam menyediakan dokumen kontrak antara pihak Unisel dan kontraktor.
 4. Bertanggungjawab memastikan bahawa segala insuran yang telah diambil oleh pihak kontraktor adalah sah dan mencukupi.
 5. Membuat penilaian kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak kontraktor.
 6. Bertanggungjawab untuk menilai semula jika terdapat perubahan kerja-kerja yang terbabit semasa proses pembinaan.
 7. Mempertimbangkan tuntutan-tuntutan kontraktor.
 8. Bertanggungjawab untuk menganalisa segala alasan yang diberikan oleh pihak kontraktor untuk meminta lanjutan masa.
 9. Bertanggungjawab untuk menyedia dan menyemak Akaun Muktamad.
-

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran pasport terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :
 - i. Latar belakang peribadi (termasuk No. Kad Pengenalan), keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat Antarabangsa;

- b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya
Selangor
Tel : 03-3280 5058 ext : 5077

- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **30 Jun 2019**.
- e) Lain-lain:
 - i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.